



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 1-5 Dan 14, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami : KP(PP)SULIT 0056/19 Jld.3 (23)

Tarikh : 10 Oktober 2011

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
13 & 15 Jalan Murai Dua
Kompleks Batu
Off Jalan Ipoh
51100 Kuala Lumpur
(u.p: Pn. Lok Yim Pheng)



Puan,

**KERTAS KERJA : CADANGAN UNTUK MEMBERI KENAIKAN GAJI KHAS BAGI GURU-GURU
DG41 DAN DG44 (LANTIKAN KEDUA TANPA LANTIKAN GRED DGA32 / DGA34)**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah di arah merujuk kepada surat puan rujukan (27)d/m KPPK (IP) PP 5/(08-11)/(24) bertarikh 19 Julai 2011.

2. Bersama-sama ini dikemukakan maklum balas mengenai Kertas Cadangan Untuk Memberi Kenaikan Gaji Khas Bagi Guru-guru DG41 Dan DG44 (Lantikan Kedua Tanpa Lantikan Gred DGA32 / DGA34) untuk perhatian dan makluman pihak puan selanjutnya.

3. Di atas segala kerjasama puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. MOHD. YUSOFF BIN AWANG LAH)

b.p : Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Tel : 03-88847032
Faks : 03-88847859

**KERTAS KERJA CADANGAN UNTUK MEMBERI KENAIKAN GAJI KHAS BAGI GURU-GURU DG41 DAN DG44 (LANTIKAN
KEDUA TANPA LANTIKAN GRED DGA32 / DGA34)**

BIL.	ISU	MAKLUM BALAS
1.	<p>Isu jurang perbezaan gaji antara PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD</p> <p>Ringkasan Kertas :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan Kerajaan bagi memberikan kenaikan gaji khas kepada PPPS yang tidak melalui kenaikan pangkat DGA32/DGA34 semasa berada dalam skim PPPLD sebelum dilantik ke PPPS DG41 dan DG44. • PPPLD yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf semasa dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat lantikan akan dilantik ke skim PPPS Gred DG41. • 1 Julai 2007 – Kenaikan gaji bagi semua anggota kerajaan dari 7.5% ke 35% mengikut kategori berkuat kuasa, di mana skim PPPLD menerima kenaikan gaji sebanyak 25% manakala skim PPPS pula adalah sebanyak 15%. • Wujud jurang perbezaan gaji yang besar bagi kelompok PPPLD Gred DGA29 yang dilantik ke skim PPPS Gred DG41 (DGA29 → DG41) berbanding dengan PPPLD Gred DGA32 atau DGA34 yang dilantik ke skim PPPS Gred DG41 (DGA29 → DGA32 → DG41 atau DGA29 → DGA32 → DG41 → DG41). 	<p>Kementerian telah pun mengambil tindakan dalam menyelesaikan isu ini di mana beberapa kaedah penyelesaian telah pun dilaksanakan dengan memberi keistimewaan kepada PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD. Di antara keistimewaan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan untuk dilaksanakan dan dinikmati oleh pegawai yang terlibat ialah:</p> <p>i) Pemberian satu (1) Hadiah Kenaikan Gaji yang bersamaan dengan satu Pergerakan Gaji Biasa yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2007 atau mulai tarikh pelantikan (yang mana terkemudian);</p> <p>ii) Peluang kenaikan pangkat <i>time-based</i> PPPS Gred DG41 ke Gred DG44 yang lebih cepat. Secara dasarnya, skim PPPS di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 telah menetapkan bahawa salah satu syarat untuk seseorang pegawai itu layak mendapat kenaikan pangkat secara <i>time-based</i> ke Gred DG44 ialah telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun di Gred DG41. Walau bagaimanapun, melalui pertemuan Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dengan Kesatuan/Persatuan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia pada 8 Mei 2008, telah dipersetujui bahawa urusan kenaikan</p>

BIL.	ISU	MAKLUM BALAS
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelarasan gaji bagi kumpulan PPPLD yang dilantik ke skim PPPS Gred DG41 perlu dilakukan agar jurang perbezaan gaji adalah setimpal dengan usaha dan senioriti. <p>Syor :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan dua (2) Pergerakan Gaji Biasa bagi PPPLD Gred DGA29 yang dilantik ke skim PPPS Gred DG41 tanpa melalui kenaikan pangkat ke Gred DGA32 atau DGA34 dahulu. 	<p>pangkat <i>time-based</i> ke Gred DG44 bagi PPPS DG41 ex-PPPLD akan mengambil kira tiga (3) tahun pengalaman sebagai PPPBS/PPPLD DGA29/32/34/38 sebagai satu (1) tahun pengalaman di Gred DG41 tertakluk had maksimum tiga (3) tahun. Tarikh kuat kuasa urusan ini adalah mulai 16 Mei 2008; dan</p> <p>iii) Peluang kenaikan pangkat secara <i>time-based</i> PPPS Gred DG44 ke Gred DG48 dengan mengambil kira pengalaman mengajjar sebagai PPPLD bagi setiap tiga (3) tahun bersamaan satu (1) tahun pengalaman di Gred DG44 tertakluk kepada had maksimum 3 tahun pengalaman. Keputusan ini telah dipersetujui melalui JKK-MPGSA Bil. 2 Tahun 2009 pada 16 Jun 2009 dan tarikh kuat kuasa pelaksanaannya adalah mulai 1 Julai 2009. Sehubungan itu, semua PPPS ex-PPPLD yang tidak menikmati kenaikan pangkat di para 2(ii) di atas tidak perlu memenuhi tempoh perkhidmatan sehingga 10 tahun untuk melayakkan kenaikan pangkat <i>time-based</i> ke Gred DG44/DG48.</p> <p>Keistimewaan ini tidak diperuntukkan kepada skim perkhidmatan awam yang lain walaupun pegawai terlibat mengalami situasi yang sama.</p>